




MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA



# LAPORAN PEPERIKSAAN STPM & MUET 2021

## Pengajian Am (900)



# KANDUNGAN

Pengajian Am (900/1) .....	<b>1 – 6</b>
Pengajian Am (900/2) .....	<b>7 – 12</b>
Pengajian Am (900/3) .....	<b>13 – 17</b>

# PENGAJIAN AM (900/1)

## PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 1, sebanyak 41 932 calon menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 67.03% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	2.99	3.50	9.11	10.96	14.18	10.56	15.73	4.90	12.96	3.36	11.75

## RESPONS CALON

### BAHAGIAN A: *Aneka Pilihan*

#### *Kunci jawapan*

Nombor Soalan	Kunci Jawapan	Nombor Soalan	Kunci Jawapan	Nombor Soalan	Kunci Jawapan
1	B	6	D	11	D
2	B	7	B	12	B
3	C	8	A	13	D
4	C	9	A	14	A
5	C	10	A	15	C

#### *Komen am*

Secara keseluruhannya, prestasi calon dalam Bahagian A pada semester ini berada pada tahap yang baik. Berdasarkan jawapan atau respons yang diberikan oleh calon, didapati bahawa soalan aneka pilihan ini mempunyai aras kesukaran yang sederhana. Hal ini dikatakan demikian kerana sebanyak 30% hingga 70% calon yang berjaya menjawab soalan aneka pilihan dengan betul.

### BAHAGIAN B DAN C: *Struktur dan Esei*

#### *Komen am*

Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon berada pada tahap sederhana. Hal ini dikatakan demikian kerana kebanyakan calon tidak memberikan jawapan sebagaimana kehendak soalan. Calon memberikan jawapan atau idea yang berbentuk umum. Selain itu, calon pada umumnya tidak menguasai fakta dan tidak mampu mengaplikasikan kemahiran menjawab dengan tepat. Walau bagaimanapun, terdapat juga calon yang menguasai fakta tetapi hujah yang dikemukakan kurang mantap, menyebabkan mereka sukar untuk memperoleh markah penuh.

**BAHAGIAN B: Soalan Struktur**

**Soalan 16**

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan **dua** sebab seseorang boleh dihalang daripada memasuki Malaysia.

Antara jawapan yang boleh dikemukakan oleh calon ialah:

- keselamatan; melindungi keselamatan Malaysia dan negeri-negeri dalam Malaysia daripada sebarang ancaman yang memudaratkan
- ketenteraman awam; menjamin ketenteraman orang awam daripada perlakuan yang menyebabkan rasa tidak selamat
- kesihatan awam; mengelakkan penyebaran penyakit berbahaya dan penyakit berjangkit disebarkan kepada orang awam
- sedang menjalani hukuman; larangan terhadap pesalah yang sedang menjalani hukuman atas kesalahan yang dilakukan
- dokumen perjalanan; tidak mempunyai dokumen perjalanan yang sah, seperti pasport dan visa perjalanan
- individu yang disenaraihitamkan; individu yang pernah melakukan jenayah atau kesalahan-kesalahan lain
- negara-negara yang warganegaranya dilarang memasuki Malaysia; kerajaan telah mengenakan larangan terhadap rakyat beberapa negara daripada memasuki Malaysia

Kelemahan calon pada soalan ini ialah calon memberikan jawapan yang tidak lengkap. Contohnya, calon memberikan jawapan yang berkaitan dengan taraf kerakyatan, iaitu pelucutan dan penolakan. Selain itu, calon juga tidak memahami kehendak soalan, menyebabkan mereka memberikan jawapan yang tidak relevan. Calon juga menjadikan huraian mereka sebagai idea, menyebabkan mereka gagal memperoleh markah. Sebagai contoh, calon memberikan jawapan ‘tidak mempunyai pasport’ sebagai idea utama, sedangkan ia huraian bagi idea dokumen perjalanan.

**Soalan 17**

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan perbezaan antara anggota Dewan Negara dengan anggota Dewan Rakyat.

Antara jawapan yang boleh dikemukakan oleh calon adalah seperti berikut:

(a)	Umur	<ul style="list-style-type: none"><li>• Dewan Negara – tidak kurang daripada 30 tahun</li><li>• Dewan Rakyat – tidak kurang daripada 21 tahun</li></ul>
(b)	Gelaran	<ul style="list-style-type: none"><li>• Dewan Negara – Senator</li><li>• Dewan Rakyat – Ahli Parlimen atau Wakil Rakyat</li></ul>
(c)	Keahlian	<ul style="list-style-type: none"><li>• Dewan Negara – 70 orang</li><li>• Dewan Rakyat – 222 orang</li></ul>

(d)	Pemilihan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dewan Negara – 26 orang dipilih oleh Dewan Undangan Negeri dan 44 orang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong</li> <li>• Dewan Rakyat – dipilih oleh rakyat melalui pilihan raya</li> </ul>
(e)	Tempoh perkhidmatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dewan Negara – 3 tahun dan tidak terjejas dengan pembubaran Parlimen</li> <li>• Dewan Rakyat – 5 tahun atau sehingga Parlimen dibubarkan</li> </ul>
(f)	Pembubaran Parlimen	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dewan Negara – keanggotaan tidak terjejas</li> <li>• Dewan Rakyat – hilang keanggotaan</li> </ul>
(g)	Had maksimum tempoh keanggotaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dewan Negara – 6 tahun atau dua penggal</li> <li>• Dewan Rakyat – tiada had keanggotaan selagi dipilih oleh rakyat dalam pilihan raya</li> </ul>

Antara kelemahan calon ialah mereka gagal memahami kehendak soalan dan mereka tidak membaca soalan dengan teliti. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka hanya memberikan idea dan huraian tetapi tidak memberikan perbezaan seperti yang dikehendaki oleh soalan. Sebagai contoh, gelaran bagi anggota Dewan Rakyat ialah Yang Berhormat, pelantikan anggota Dewan Negara oleh Yang di-Pertuan Agong, pelantikan Dewan Rakyat dipilih melalui undi oleh rakyat. Jawapan seperti itu menyebabkan calon tidak memperoleh markah.

### Soalan 18

Soalan ini menghendaki calon untuk menyatakan **tiga** cara layanan berkualiti yang telah diberikan oleh Puan Zainab semasa menjalankan tugas sebagai operator telefon.

Antara jawapan yang boleh dikemukakan oleh calon adalah seperti berikut:

- bermula dengan memperkenalkan diri dan organisasi
- melayan pelanggan dengan mesra/bersopan
- tidak membiarkan deringan telefon melebihi tiga kali
- bercakap dengan nada yang lembut
- bercakap dengan suara yang terang atau jelas
- tidak membiarkan pemanggil menunggu tanpa alasan
- bersedia untuk membantu tanpa diminta
- bersedia untuk mengambil pesanan bagi pegawai lain yang tidak dapat dihubungi

Sebahagian besar calon memberikan jawapan yang tepat. Hal ini dikatakan demikian kerana calon hanya perlu mengemukakan cara seseorang melayan pelanggan di telefon dan ini adalah sebahagian daripada perkara yang biasa dilakukan. Namun begitu, terdapat juga calon yang memberikan jawapan yang kurang tepat. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka memberikan jawapan tentang ciri-ciri tadbir urus yang baik. Jelaslah bahawa ada segelintir calon yang tidak memahami kehendak soalan.

## Soalan 19

Soalan ini menghendaki calon untuk menyatakan **empat** langkah yang dilaksanakan oleh kerajaan bagi memantapkan daya saing negara dalam bidang ekonomi pada peringkat global.

Antara langkah yang boleh dikemukakan oleh calon adalah seperti berikut:

- meningkatkan kompetensi tenaga kerja
- mengkaji semula sistem pendidikan negara
- memupuk graduan berbakat
- memperkukuh sektor swasta
- mentransformasi perkhidmatan awam
- mengkaji semula sistem subsidi
- memperkenalkan sistem percukaian barangan dan perkhidmatan
- meningkatkan tadbir urus baik sektor kerajaan dan swasta
- meneruskan/meningkatkan/memperkasa dasar pembangunan ekonomi
- memperkukuh keupayaan teknologi/ICT dalam ekonomi negara
- menggalakkan penyelidikan dan pembangunan (P&P)
- membangunkan modal insan yang berkualiti

Antara kelemahan calon ialah mereka memberikan idea secara umum. Selain itu, calon juga tidak menggunakan kata kerja yang menunjukkan langkah seperti 'memantapkan' pada jawapan mereka. Hal ini menyebabkan, jawapan mereka menjadi tidak relevan. Sebagai contoh, menjalankan penyelidikan dan pembangunan (P&P) walhal calon boleh meletakkan kata kerja dalam jawapan tersebut seperti menggalakkan/memperkasa/mempertingkatkan atau perkataan yang seumpama dengannya.

## BAHAGIAN C: Soalan Esei

### Soalan 20

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan hak rakyat Malaysia yang terdapat dalam sistem Pemerintahan Raja Berperlembagaan.

Antara idea yang boleh dikemukakan calon untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- Hak kebebasan bersuara
- Hak kebebasan berhimpun
- Hak kebebasan berpersatuan
- Hak kebebasan beragama
- Hak terhadap harta
- Hak terhadap pendidikan
- Hak mendapat pembelaan
- Hak kebebasan bergerak
- Hak kebebasan diri
- Hak sama rata

Secara keseluruhannya, calon tidak memahami kehendak soalan, menyebabkan mereka sukar untuk memperoleh markah. Sebahagian calon juga memberikan jawapan yang tidak relevan, seperti hak merentas negeri, hak untuk hidup, hak untuk mengundi, melalui pendidikan, mempelajari budaya kaum lain, menghormati adat pelbagai kaum, dan menguatkuasakan undang-undang. Walau bagaimanapun, terdapat calon yang mengemukakan idea yang tepat tetapi mereka menggunakan istilah yang salah, seperti perkataan 'berhak' walhal perkataan sepatutnya ialah 'hak'.

## Soalan 21

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan kesan negatif jika kestabilan politik tergugat. Antara idea yang boleh dikemukakan calon adalah seperti berikut:

- keyakinan pelabur asing menurun
- pemerintahan negara tergugat
- keselamatan awam terancam
- pembangunan negara terjejas
- kedaulatan negara terancam
- imej negara terjejas
- produktiviti negara menurun
- keharmonian rakyat tergugat
- kemakmuran negara terjejas

Majoriti calon memahami kehendak soalan dan berjaya mengemukakan idea yang tepat. Namun begitu, terdapat calon yang gagal memahami kehendak soalan dan mengemukakan idea berkenaan dengan faktor kestabilan politik dan langkah untuk mengatasi ketidakstabilan politik. Hal ini, menyebabkan jawapan calon terpesong sepenuhnya. Selain itu, ada juga calon yang mengemukakan idea yang tidak relevan. Contohnya, ekonomi negara terjejas, perebutan kuasa, keselamatan negara tergugat, perpaduan kaum tergugat, masyarakat berpecah belah dan rasuah berleluasa.

## Soalan 22

Soalan ini menghendaki calon untuk menghuraikan langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengawal penyalahgunaan Internet di Malaysia.

Antara langkah yang boleh dikemukakan calon ialah:

- penguatkuasaan undang-undang
- pemerkasa undang-undang
- kawalan oleh ibu bapa/keluarga
- pendidikan etika siber
- membentuk pasukan penyiasat siber
- penapisan kandungan Internet
- kempen kesedaran
- meningkatkan penglibatan masyarakat
- tatacara penggunaan Internet

Sebahagian calon dapat menjawab dengan betul dan memahami kehendak soalan ini. Hal ini dikatakan demikian kerana isu ini dianggap mudah oleh mereka. Namun begitu, kebanyakan calon turut tidak dapat mengemukakan idea yang tepat dan relevan bagi isu penyalahgunaan Internet di Malaysia. Hal ini dikatakan demikian kerana calon mengemukakan idea pihak-pihak terlibat mengawal penyalahgunaan Internet seperti pihak sekolah, pihak kerajaan, pihak ibu bapa, pihak media massa, pihak masyarakat, dan diri sendiri. Selain itu, calon juga sering memberikan idea yang terlalu umum, seperti kempen. Idea tersebut sepatutnya ialah kempen kesedaran. Jelaslah calon perlu memberikan jawapan atau idea yang lebih berfokus supaya boleh memperoleh markah penuh untuk setiap idea yang dinyatakan.



# PENGAJIAN AM (900/2)

## PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 2, sebanyak 41 243 calon menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 54.64% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	5.72	8.00	10.96	12.13	5.75	5.74	6.34	6.88	7.14	7.44	23.92

## RESPONS CALON

### *Komen am*

Secara keseluruhannya, mutu jawapan dan prestasi calon berada pada tahap yang sederhana. Prestasi calon pada bahagian A agak tidak memuaskan kerana jawapan yang diberikan tidak menepati kehendak soalan. Sebahagian kecil calon hanya menjawab dua atau tiga daripada empat soalan yang diberikan dan ada juga calon yang langsung tidak menjawab keempat-empat soalan struktur tersebut. Calon juga mengemukakan jawapan secara umum dan tidak spesifik. Ini menunjukkan, mereka tidak memahami kehendak soalan. Hal yang demikian disebabkan oleh pengetahuan calon yang terhad terhadap isu yang dikemukakan soalan dalam bahagian ini.

Pada bahagian B pula, jawapan calon berada pada tahap baik. Mereka boleh membina jadual yang lengkap dan menghasilkan media yang tepat, iaitu graf gabungan dan graf garis kompaun atau graf bar kompaun. Namun begitu, ada sebahagian calon yang gagal menentukan jenis graf yang dikehendaki oleh soalan. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka salah menganalisis perkataan 'perubahan bilangan'. Terdapat beberapa kelemahan calon yang dapat dikenal pasti, iaitu mereka tidak menulis tajuk, tidak menulis nilai skala, tidak melabelkan paksi Y, tiada unit atau unit yang salah, dan tiada petunjuk. Terdapat juga segelintir calon yang tidak sempat menghasilkan media dan hanya menghantar jadual sebagai jawapan. Namun begitu, antara kekuatan calon pada bahagian B ialah mereka dapat membina jadual yang lengkap dan menghasilkan media yang tepat, iaitu graf gabungan dan graf garis kompaun atau graf bar kompaun dengan hanya merujuk arahan soalan yang diberikan. Kekuatan tersebut secara tidak langsung menyebabkan calon memperoleh markah penuh, iaitu 20 markah. Calon juga dapat mewarnakan graf dengan baik dan kemas, selain menggunakan skala yang sesuai dengan data yang diberikan dalam petikan.

Pada bahagian C pula, mutu jawapan calon berada pada tahap sederhana. Hal ini dibuktikan dengan bilangan calon yang mendapat 1 markah atau karangannya dikategorikan sebagai terpesong adalah tidak ramai, sebaliknya calon mampu memperoleh markah sekurang-kurangnya 5 markah dan ke atas. Calon juga tidak meletakkan idea pada ayat yang pertama, sebaliknya mereka meletakkan idea tersebut di tengah perenggan huraian ataupun di akhir huraian. Selain itu, ada segelintir calon juga yang mengemukakan idea yang tepat tetapi huraian idea yang diberikan kurang jitu. Ada juga calon yang terpesong keseluruhan esainya kerana mengaitkan jawapannya dengan 'perpaduan' dan bukannya 'semangat patriotik' bagi soalan 8. Namun begitu, terdapat beberapa kekuatan calon, iaitu mereka mampu mengemukakan sekurang-kurangnya satu hingga tiga idea yang tepat. Hampir keseluruhan calon juga dapat menguasai teknik dan format penulisan karangan yang betul, iaitu terdiri daripada pengenalan, idea, dan kesimpulan atau penutup. Idea-idea yang diberikan juga disusun dengan seimbang dan teratur.

Dari segi perancangan, terdapat calon yang masih gagal menguruskan masa menjawab soalan dengan baik. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka tidak sempat menjawab soalan bahagian A dan menyiapkan media yang ditetapkan dengan baik serta tidak menulis sebuah karangan yang menghendaki mereka menyenaraikan lima idea yang relevan. Secara keseluruhannya, boleh dilihat calon hanya mengutamakan bahagian B (alih bentuk komunikasi) dan bahagian C (esei) berbanding dengan bahagian A (struktur).

Dari aspek bahasa pula, penguasaan bahasa kebanyakan calon kurang memuaskan kerana pelbagai kesalahan bahasa dilakukan dalam penulisan. Hal ini menyebabkan markah bahasa calon antara 1 hingga 2 markah sahaja. Dari segi pembinaan ayat, aspek kesalahan yang kerap dilakukan oleh calon ialah mereka menulis ayat yang tidak mempunyai komponen yang lengkap. Contohnya, tiada subjek, predikat atau mengandungi frasa yang tidak lengkap. Calon juga menulis ayat yang tergantung dan ayat-ayat yang panjang serta meleret-leret sehingga menjejaskan maksud ayat tersebut. Calon juga menggunakan kata tunjuk 'ini' sebagai permulaan ayat. Kesalahan penggunaan kata pemerai 'ialah' dan 'adalah' serta penggunaan imbuhan yang salah juga banyak dilakukan.

### ***Komen soalan demi soalan***

## **BAHAGIAN A: Soalan Struktur**

### **Soalan 1**

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan **dua** kepentingan sains dan teknologi dalam sektor pertanian. Antara jawapan yang boleh dikemukakan oleh calon ialah:

- meningkatkan kuantiti hasil/produktiviti pertanian
- mengawal ancaman perosak
- meningkatkan kualiti hasil
- kebergantungan kepada iklim
- memudahkan sistem pengairan
- mempercepat proses penanam/pengutipan/penuaian hasil pertanian
- kaedah penyimpanan/pembungkusan
- penemuan baka baharu dalam pertanian
- memperluas pasaran
- pemulihan kesuburan tanah/peningkatan kualiti tanah pertanian
- penciptaan baja berkualiti

Kelemahan calon bagi soalan ini ialah calon gagal mengemukakan idea dengan tepat berkaitan dengan kepentingan kemajuan sains dan teknologi dalam sektor pertanian. Antara contoh jawapan calon ialah menghasilkan mesin, mengkaji cara bertani, dan menyediakan peluang pekerjaan. Jawapan atau idea yang dikemukakan calon adalah umum dan tidak berfokus pada sektor pertanian. Segelintir calon juga tidak memahami kehendak soalan dan mereka mengemukakan langkah memajukan sains dan teknologi bukan kepentingan sains dan teknologi dalam sektor pertanian.

### **Soalan 2**

Soalan ini menghendaki calon menyenaraikan **tiga** kepentingan pelaksanaan Dasar Urbanisasi Negara. Antara kepentingan pelaksanaan Dasar Urbanisasi Negara adalah seperti berikut:

- menyusun semula masyarakat

- merancang proses pemandaran
- menyediakan prasarana yang lengkap/modern
- meningkatkan perkhidmatan bandar
- mempercepat pertumbuhan ekonomi
- menekankan aspek keselamatan bandar
- memastikan keindahan reka bentuk bandar
- pemeliharaan/pemuliharaan alam sekitar
- meningkatkan tadbir urus bandar
- kemiskinan bandar
- mewujudkan bandar yang terancang
- menggalakkan penyertaan komuniti dalam pengurusan bandar/kejiranan
- pengurusan sumber lebih cekap
- menggalakkan penglibatan pihak swasta

Sebahagian calon dapat mengemukakan idea dengan tepat namun terdapat juga calon yang tidak ada pengetahuan tentang Dasar Urbanisasi Negara yang menyebabkan mereka mengemukakan idea yang terpesong dengan dasar tersebut. Antara contoh idea calon ialah menjaga ketenteraman negara, meningkatkan ekonomi, meningkatkan kemodenan negara, dan dapat mempromosi nama negara pada peringkat antarabangsa. Idea yang dikemukakan calon juga tidak relevan, menyebabkan mereka tidak memperoleh markah.

### Soalan 3

Soalan ini menghendaki calon menyatakan **empat** faktor yang melambatkan pencapaian hasrat mewujudkan masyarakat bermoral dan beretika. Antara jawapan yang boleh dikemukakan calon adalah seperti berikut:

- pengaruh negatif media massa/sosial
- sikap yang mementingkan kemewahan/materialistik
- sikap individualistik
- pengaruh buruk rakan sebaya
- penguatkuasaan undang-undang yang longgar
- peningkatan masalah sosial/kepincangan masyarakat
- pengaruh negatif keluarga/kelemahan institusi keluarga
- kurang penghayatan Rukun Negara
- kurang penglibatan masyarakat sekeliling/kawalan sosial yang rapuh
- sikap enggan berubah
- pengaruh negatif budaya luar
- kurangnya penerapan nilai-nilai baik

Sebahagian daripada calon dapat memberikan idea seperti peningkatan gejala sosial, kurang penghayatan Rukun Negara dan ini menunjukkan calon memahami kehendak soalan dan berjaya menjawab soalan ini dengan baik. Namun begitu, terdapat juga beberapa kelemahan calon, antaranya ialah mengemukakan idea yang kurang tepat atau merubah maksud idea. Antara contoh, jawapan yang diberikan ialah kurang pendedahan terhadap Rukun Negara, kurang didikan agama, dan pengabaian pendidikan ibu bapa. Selain itu, terdapat juga calon yang mengemukakan idea yang tiada kaitan dengan soalan dikemukakan.

## Soalan 4

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan **dua** faktor penghalang kepada integrasi kaum. Antara jawapan yang boleh dikemukakan calon ialah:

- sifat perkauman/etnosentrik
- perbezaan status ekonomi
- perbezaan kebudayaan
- kurang toleransi terhadap budaya lain
- perbezaan tempat tinggal/faktor fizikal
- perbezaan ideologi/politik
- perbezaan sistem pendidikan
- ketaasuban terhadap agama/sosial/budaya yang berlainan
- tiada kesedaran tentang kepentingan integrasi
- penyalahgunaan media massa/sosial
- kelemahan penggunaan bahasa kebangsaan
- peningkatan perasaan xenofobia/prejudis

Terdapat beberapa kelemahan calon dalam menjawab soalan ini, antaranya ialah mereka mengemukakan idea yang tidak relevan. Sebagai contoh, rusuhan kaum, tidak mempercayai Ketua Menteri, dan bersikap diskriminasi yang tidak dibendung. Walau bagaimanapun, terdapat juga calon yang berjaya mengemukakan idea dan memahami kehendak soalan dengan baik, seperti sikap perkauman, perbezaan dari segi, pendidikan, dan pembezaan taraf ekonomi.

## BAHAGIAN B: Soalan Alih Bentuk Komunikasi

### Soalan 5

Soalan ini menghendaki calon menyediakan graf berkaitan dengan jumlah kuantiti eksport dan jumlah pendapatan eksport produk berasaskan sawit. Graf yang sesuai untuk dihasilkan berdasarkan maklumat yang diberikan dalam petikan ialah graf gabungan (bar komponen dan 1 garis). Sebahagian besar calon memahami soalan dengan baik dan mampu menganalisis data yang diberikan dengan baik serta menghasilkan media yang tepat. Majoriti calon juga dapat membuat pengiraan dengan tepat dan berjaya memindahkan data dalam petikan ke jadual dengan lengkap.

Selain itu, calon juga berjaya melukis graf gabungan yang dikehendaki soalan dengan kemas dan lengkap. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan calon, seperti yang berikut:

- calon mengemukakan jadual tanpa tajuk, tanpa label, dan tanpa unit. Label tersebut ialah 'Jumlah kuantiti eksport produk berasaskan sawit'
- calon juga mengemukakan label yang salah, contohnya 'Kuantiti sawit', 'Perkara' walhal label yang sepatutnya ialah 'Produk Sawit'
- data yang dikemukakan salah, terutamanya data yang memerlukan pengiraan. Contohnya, data jumlah pendapatan produk berasaskan sawit tahun 2015, jawapan yang dikemukakan calon ialah RM 78.14 bilion tetapi data yang sepatutnya ialah RM 60.17 bilion
- graf yang dikemukakan salah label dan unit yang salah pada paksi Y. Calon hanya menulis 'Jumlah kuantiti eksport' walhal label yang sepatutnya ialah 'Jumlah kuantiti eksport produk sawit'. Pada paksi Y bagi graf garis juga, calon hanya menulis 'Jumlah sawit'
- unit yang dikemukakan calon salah. Calon hanya menulis 'Juta' atau 'Bilion' sahaja walhal unit yang sepatutnya ialah 'Juta tan' dan 'RM bilion'
- calon melukis graf media yang salah untuk bar komponen dan graf garis yang tiada petunjuk
- calon juga tidak menyiapkan graf sepenuhnya, contohnya graf garis tanpa petunjuk

## Soalan 6

Soalan ini menghendaki calon melukis graf berkaitan dengan perubahan bilangan kematian. Graf yang sepatutnya dilukis oleh calon ialah graf garis kompaun atau bar kompaun. Calon berjaya mengenal pasti jenis graf dengan baik. Majoriti mereka berjaya membina jadual dengan baik dengan mengemukakan tajuk, label, unit, petunjuk, dan data yang betul berdasarkan petikan yang diberikan. Untuk bahagian graf pula, calon berjaya melukis graf garis kompaun dengan baik dengan plot yang tepat. Namun begitu, terdapat beberapa kesalahan atau kelemahan calon, iaitu:

- jadual tidak mempunyai tajuk, label dan unit. Calon tidak mengemukakan label 'Bilangan Kematian'
- yang salah pada jadual, tajuk yang dikemukakan tidak mempunyai lokasi, iaitu Malaysia
- yang tidak lengkap atau salah pada jadual. Calon hanya menulis 'perkara', 'Jenis penyakit', 'Punca', 'Penyakit', dan 'Jenis' walhal label yang sepatutnya ialah 'Punca Kematian'. Calon juga menulis 'Tahun' sahaja sebagai label walhal label yang sepatutnya ialah 'Bilangan Kematian'.
- unit yang dinyatakan oleh calon juga salah, calon menjadikan 'Orang' sebagai unit. Unit yang sepatutnya ialah 'Kes'
- data yang dikemukakan tidak lengkap. Contohnya, calon tidak mengemukakan data pada tahun 2012
- data yang memerlukan pengiraan juga salah. Contohnya, data tahun 2013, data yang diberikan oleh calon ialah 13 575 dan data yang sepatutnya ialah 13 876
- graf yang tidak mempunyai label dan unit
- graf yang dikemukakan menggunakan skala lompat
- graf yang dikemukakan menggunakan tahun sebagai petunjuk
- plot yang salah pada graf
- calon salah media, graf yang dibuat ialah Bar Komponen dan Garis Komponen

## BAHAGIAN C: Soalan Esei

### Soalan 7

Soalan ini menghendaki calon membincangkan peranan rakyat untuk memelihara keluhuran perlembagaan negara kita. Antara peranan rakyat untuk memelihara keluhuran perlembagaan negara kita adalah seperti berikut:

- mematuhi undang-undang negara
- mengeratkan perpaduan kaum
- menjaga akhlak diri sendiri
- menghormati hak asasi
- menyokong dasar-dasar kerajaan
- menghormati lambang negara
- mengutamakan kepentingan negara
- tidak mempersoalkan perkara sensitif dalam perlembagaan
- tidak terpengaruh dengan unsur luar yang mempertikaikan perlembagaan

Sebahagian calon berjaya memberikan idea yang relevan dan bersesuaian dengan kehendak soalan. Namun begitu, kelemahan calon ialah mereka tidak mengemukakan idea pada ayat pertama. Calon juga hanya memfokuskan Rukun Negara sebagai idea. Contohnya, menghayati prinsip Rukun Negara, pendedahan kepada Rukun Negara, dan melibatkan diri dengan kempen yang berkaitan dengan Rukun Negara. Selain itu, kelemahan yang dikenal pasti ialah calon gagal memahami kehendak soalan sehingga menyebabkan karangan calon terpesong.

## Soalan 8

Soalan ini menghendaki calon membincangkan punca dan langkah yang wajar dilaksanakan bagi mengatasi masalah semangat patriotik dalam kalangan warganegara yang semakin pudar. Antara punca dan langkah yang boleh dikemukakan oleh calon adalah seperti berikut:

Punca:

- sikap individualistik/sikap materialistik
- pengaruh budaya luar asing
- sentimen perkauman/etnosentrik
- kurang kesedaran terhadap cinta akan negara
- pengaruh media sosial/media massa
- kurang penghayatan sejarah negara
- pengaruh persekitaran
- ketaasuban dengan dunia luar
- liberalisme
- kurang penghayatan Rukun Negara

Langkah:

- melalui pendidikan
- mengadakan program/aktiviti patriotisme
- meningkatkan kempen kesedaran patriotisme
- melalui aktiviti sukan

Sebahagian calon berjaya memahami kehendak soalan dengan baik dan mampu memberikan idea yang relevan dengan kehendak soalan. Walau bagaimanapun, kelemahan calon ialah mereka mengemukakan idea yang kurang tepat. Contohnya, mengadakan kempen kesedaran, didikan awal ibu bapa, pihak sekolah, kemasukan budaya asing yang berleluasa, dan aktiviti sambutan hari kemerdekaan. Oleh hal yang demikian, calon tidak memperoleh markah penuh untuk aspek idea.

# PENGAJIAN AM (900/3)

## PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 3, sebanyak 40 911 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 64.43% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	11.32	5.21	6.70	7.98	8.92	14.54	9.96	8.97	8.21	6.44	11.76

## RESPONS CALON

### BAHAGIAN A: *Aneka Pilihan*

#### *Kunci jawapan*

Nombor Soalan	Kunci Jawapan	Nombor Soalan	Kunci Jawapan	Nombor Soalan	Kunci Jawapan
1	D	6	D	11	A
2	B	7	B	12	C
3	B	8	A	13	A
4	D	9	A	14	B
5	C	10	D	15	A

#### *Komen am*

Secara keseluruhannya, prestasi calon pada semester ini untuk bahagian A berada pada tahap yang baik. Berdasarkan jawapan yang diberikan oleh calon, soalan aneka pilihan yang dikemukakan mempunyai aras kesukaran yang sederhana, iaitu pada julat 0.3 hingga 0.8. Selain itu, sebanyak 30% hingga 70% calon berjaya menjawab soalan aneka pilihan dengan betul.

### BAHAGIAN B DAN C: *Alih Bentuk Komunikasi dan Esei*

#### *Komen am*

Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon berada pada tahap sederhana. Hal ini dikatakan demikian kerana, kebanyakan calon tidak dapat memberikan jawapan sebagaimana kehendak soalan sebaliknya mereka memberikan jawapan yang berbentuk umum.

Untuk bahagian B, calon dilihat mampu mengemukakan idea dengan tepat. Oleh itu, jawapan calon pada bahagian ini secara relatifnya berada pada tahap sederhana. Tugasan bagi kedua-dua soalan adalah jelas dan boleh difahami oleh calon dengan baik. Namun begitu, ada juga calon yang keliru dengan kehendak soalan atau keliru dengan kaedah mengemukakan idea. Hal ini menyebabkan calon sukar memperoleh markah.

Mutu jawapan calon pada bahagian C adalah pada tahap sederhana. Kekuatan calon pada bahagian ini ialah calon berjaya mengemukakan idea yang relevan dengan kehendak soalan. Namun begitu, ada juga calon dilihat tidak mampu mengenal pasti kehendak soalan esei dan isu/tema soalan dengan baik. Calon gagal mengemukakan idea yang bersesuaian serta gagal mengolah idea yang bertepatan dengan skema. Keadaan ini menyebabkan calon gagal menjawab soalan esei dengan baik dan menyebabkan calon gagal memperoleh markah.

Selain itu, kesalahan umum yang sering dilakukan oleh calon ialah kesalahan menggunakan perkataan atau istilah. Kesalahan menggunakan istilah boleh memberikan kefahaman atau maksud yang berbeza dengan skema yang sedia ada.

Seterusnya, majoriti calon juga mengemukakan idea yang mirip dengan skema jawapan tetapi tidak relevan. Calon juga hanya mampu mengemukakan satu hingga tiga idea sahaja. Kesalahan ketara yang dilakukan oleh calon ialah mereka mengemukakan idea yang tidak berfokus kepada kehendak soalan.

Jika dilihat dari segi perancangan, kebanyakan calon mampu membuat perancangan dengan baik berdasarkan jawapan yang dikemukakan. Hal ini dikatakan demikian kerana, kebanyakan calon boleh menjawab semua soalan mengikut masa yang ditetapkan.

### ***Komen soalan demi soalan***

## **BAHAGIAN B: Soalan Alih Bentuk Komunikasi**

### **Soalan 16**

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan keadaan import gandum ke Malaysia pada tahun 2015 dan pada tahun 2016. Calon juga diminta untuk menyatakan risiko mengimport bahan makanan yang diproses.

Sebahagian besar calon dapat menganalisis data dengan tepat mengikut kehendak soalan. Calon mampu memberikan idea, data mentah, dan data proses dengan tepat dan lengkap. Namun begitu, terdapat juga calon yang keliru dengan istilah import dan eksport, menyebabkan analisis yang dinyatakan tidak menggambarkan keadaan yang sebenar. Selain itu, calon tidak dapat memberikan idea yang tepat kerana cuai. Hal ini dikatakan demikian kerana calon tidak memberikan huraian data dengan tepat dan tidak menyenaraikan negara/tahun dengan betul dan lengkap. Bagi huraian data pula, sebahagian calon tidak memperoleh markah kerana tiada data proses, iaitu peratus.

Keadaan import yang sepatutnya dinyatakan oleh calon adalah seperti berikut:

- jumlah keseluruhan dari tahun 2015 hingga tahun 2016; meningkat
- meningkat dari tahun 2015 hingga tahun 2016; negara Ukraine, Kanada dan Rusia
- menurun dari tahun 2015 hingga tahun 2016; negara Australia, Amerika Syarikat, India dan lain-lain
- tertinggi bagi kedua-dua tahun; negara Australia
- terendah bagi tahun 2015; negara Rusia dan terendah bagi tahun 2016, negara India

Kelemahan calon pada soalan ini ialah calon tidak dapat memberikan risiko mengimport bahan makanan dengan tepat. Hal ini menyebabkan kebanyakan calon hanya mampu memberikan analisis data yang betul berkenaan dengan keadaan import gandum sahaja. Antara idea yang diberikan calon ialah makanan cepat basi, mudah rosak, hilang, diserang lanun, dan penghantaran tidak tepat masanya. Hal ini menyebabkan calon tidak memperoleh sebarang markah kerana idea tersebut tidak relevan. Idea tersebut juga menunjukkan calon tidak faham risiko mengimport makanan yang diproses.

Idea yang sepatutnya diberikan oleh calon adalah seperti berikut:

- keselamatan/sekuriti makanan
- peningkatan kos
- makanan sintetik



- penyakit/kesihatan
- pemantauan yang kurang berkesan

Kebanyakan calon hanya memberikan idea risiko mengimport makanan diproses secara umum yang tidak mencapai standard kehendak soalan.

## Soalan 17

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan statistik pekerjaan dan perburuhan Jabatan Kerja Semenanjung Malaysia mengikut warganegara dan sektor terpilih pada tahun 2014. Calon juga diminta untuk memberikan langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengurangkan pekerja asing dalam sektor pembantu rumah.

Sebahagian calon mampu memberikan jawapan mengikut warganegara dan sektor dengan tepat. Oleh itu, calon tersebut mendapat markah yang baik. Namun begitu, ada juga calon yang tidak mengetahui cara membuat analisis perbandingan dengan tepat. Hal ini dikatakan demikian kerana calon tersebut memberikan perbezaan nilai bukan peratus dari jumlah keseluruhan.

Antara jawapan yang sepatutnya dikemukakan oleh calon ialah:

- Analisis data mengikut warganegara:
- jumlah keseluruhan warganegara; paling ramai dan paling sedikit
- setiap warganegara; paling ramai dan paling sedikit

Analisis data mengikut data:

- jumlah keseluruhan sektor; paling ramai dan paling sedikit
- setiap sektor; paling ramai dan paling sedikit

Calon hanya mampu memberikan idea bagi analisis data dengan betul tetapi gagal memberikan idea bagi analisis pengetahuan berkenaan dengan 'langkah untuk mengurangkan pekerja asing di sektor pembantu rumah' seperti yang dikehendaki soalan. Antara idea yang tidak relevan yang diberikan calon ialah menaikkan gaji pekerja, mengadakan kempen kesedaran, dan menghadkan kemasukan pekerja asing.

Langkah-langkah yang sepatutnya dinyatakan calon ialah:

- membenarkan pekerja bekerja dari rumah
- memperbanyak pusat asuhan kanak-kanak yang berdaftar
- mewujudkan pusat asuhan kanak-kanak di tempat kerja
- menggunakan teknologi moden untuk menggantikan tenaga manusia
- menggunakan perkhidmatan agensi tempatan
- meningkatkan syarat kemasukan pembantu rumah asing
- meningkatkan levi/caj kemasukan pembantu rumah asing

Idea yang diberikan oleh calon terlalu umum dan menyukarkan calon untuk memperoleh markah.

## BAHAGIAN C: Soalan Esei

### Soalan 18

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan dasar luar yang diamalkan sehingga kini telah meletakkan Malaysia sebagai sebuah negara yang dihormati. Calon yang menjawab soalan ini tidak mampu untuk menyatakan idea dengan tepat dan tidak dapat memberikan huraian yang baik. Kebanyakan calon memberikan idea yang tidak menepati kehendak soalan.

Kebanyakan calon menjawab soalan ini dengan menghuraikan dasar-dasar yang terlibat atau persidangan yang disertai oleh Malaysia di peringkat serantau dan di peringkat antarabangsa. Sebagai contoh Association of Southeast Asian Nations (ASEAN), Zone of Peace, Freedom and Neutrality (ZOPFAN) dan Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Selain itu, idea yang dikemukakan calon lebih kepada faktor-faktor penentu dasar luar dan kepentingan dasar luar Malaysia. Contohnya faktor agama Islam, wawasan pemimpin, dan tanah bekas jajahan British dan bukannya berkaitan dengan 'prinsip' dasar seperti yang dikehendaki oleh soalan.

Antara jawapan yang sepatutnya diberikan oleh calon ialah:

- mengeratkan kerjasama dalam pelbagai bidang (ekonomi/politik/sosial)
- menghormati kedaulatan negara lain
- mengamalkan prinsip kesederhanaan
- menyelesaikan konflik secara rundingan
- memperjuangkan isu kemanusiaan
- menyertai misi pengaman
- mempertahankan dasar berkecuali
- memperjuangkan hak asasi manusia
- mempertahankan kedaulatan negara
- memakmurkan negara jiran
- mengamalkan prinsip hidup bersama secara aman dan berkecuali

Secara keseluruhannya, calon keliru dengan kehendak soalan. Kebanyakan calon memberikan penyertaan negara dalam pertubuhan antarabangsa, dan faktor penentu dasar luar. Hal ini menyebabkan calon sukar untuk memperolehi markah.

### Soalan 19

Soalan ini menghendaki calon menyatakan pelbagai faktor masalah penyeludupan barang dan hidupan liar yang merentasi sempadan Malaysia dan negara jiran. Soalan ini menjadi pilihan calon dan kebanyakan calon berjaya menjawab soalan ini dengan baik. Antara idea yang dinyatakan oleh calon ialah permintaan tinggi, sempadan, dan kedudukan geografi. Selain itu, calon juga boleh mengemukakan idea seperti berikut:

- perbezaan harga yang ketara
- permintaan yang tinggi
- mengelak daripada membayar cukai
- kedudukan geografi sempadan
- amalan rasuah atau salah laku

- penggunaan teknologi moden atau ICT
- kewujudan sindiket penyeludupan antarabangsa

Namun begitu, terdapat juga kelemahan calon dalam menjawab soalan ini, iaitu calon tidak dapat menyatakan idea dengan tepat dan idea tersebut terlalu umum. Sebagai contoh, idea yang diberikan oleh calon ialah 'kawalan sempadan yang lemah' dan 'menguatkuasakan undang-undang yang longgar'. Idea tersebut tidak memberikan sebarang markah kerana idea tersebut tidak tepat.

Calon juga memberikan jawapan seperti undang-undang yang lemah, kawalan yang longgar, pembukaan pintu sempadan yang luas, kegawatan ekonomi, kemiskinan, dan pendidikan rendah serta cara mudah untuk hidup mewah. Idea yang diberikan calon tidak relevan menyebabkan calon tidak memperoleh sebarang markah.

## Soalan 20

Soalan ini menghendaki calon untuk menghuraikan bagaimana Malaysia boleh membantu mengurangkan pelepasan gas rumah hijau. Secara umumnya prestasi calon untuk soalan ini tidak memuaskan. Hal ini dikatakan demikian kerana calon memberikan idea yang terpesong daripada kehendak soalan. Sebagai contoh, ada yang memberikan faktor atau punca berlakunya pembebasan gas rumah hijau dan persidangan yang telah disertai Malaysia dalam isu pembebasan gas rumah hijau.

Antara jawapan yang sepatutnya diberikan oleh calon ialah:

- menggunakan tenaga alternatif/mesra alam
- mengaplikasikan teknologi hijau/teknologi mesra alam
- memperluas penggunaan pengangkutan awam
- pemeliharaan dan pemuliharaan hutan
- menguruskan sisa pepejal secara sistematik
- membangunkan bandar terancang
- memperkasakan penguatkuasaan undang-undang
- menyertai kempen kesedaran alam sekitar

Kebanyakan idea yang diberikan calon hanya idea sipi sahaja. Hal ini menyebabkan calon tidak memperoleh markah penuh. Selain itu, huraian dan olahan idea oleh calon juga masih lemah dan menyebabkan calon memperoleh markah yang rendah.

# LAPORAN PEPERIKSAAN STPM & MUET 2021



**SASBADI SDN. BHD.** 198501006847

(Anak syarikat milik penuh Sasbadi Holdings Berhad 201201038178)

Lot 12, Jalan Teknologi 3/4, Taman Sains Selangor 1,  
Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel: +603-6145 1188 Faks: +603-6145 1199

Laman web: [www.sasbadisb.com](http://www.sasbadisb.com) E-mel: [enquiry@sasbadi.com](mailto:enquiry@sasbadi.com)



**MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA**

Persiaran 1, Bandar Baru Selayang,  
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.

Tel: +603-6126 1600 Faks: +603-6136 1488

Laman web: [www.mpm.edu.my](http://www.mpm.edu.my) E-mel: [ppa@mpm.edu.my](mailto:ppa@mpm.edu.my)